



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PENOLONG PEGAWAI PROJEK TINGKAT II (C.2 EB.3)
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENOLONG PEGAWAI PROJEK TINGKAT II
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding dalam bidang *Project Management* atau bidang yang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Berpengetahuan dalam kontrak, faham tentang pelaksanaan projek, membuat anggaran dan kos perbelanjaan adalah kelebihan.
3. Berpengalaman dalam menyelaras menggubal piawaian, garis panduan, prosedur dan peraturan dalam projek perkhidmatan kontrak, tawaran atau sebut harga adalah kelebihan.
4. Berpengalaman dalam menyediakan dan meneliti dokumen kontrak sama ada tawaran atau sebut harga untuk projek-projek Jabatan / Rancangan Kemajuan Negara (RKN) adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menyelaras, menyediakan dan meneliti dokumen sokongan penilaian tawaran atau sebut harga untuk dihadapkan di Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga, JASTRe;
2. Mengendalikan dan melaksanakan arahan tugas-tugas yang diberikan oleh pegawai atasan;
3. Menyelaras, menyediakan dan meneliti dokumen kontrak mengenai isi kandungan termasuk spesifikasi, skop kerja, lampiran-lampiran dokumen kontrak, lukisan teknikal, anggaran harga projek dan sebagainya sama ada secara tawaran atau sebut harga untuk projek-projek Jabatan termasuk projek RKN;



4. Menyelaras dan menyediakan dokumen kebenaran lantikan kontraktor bagi kontrak tawaran atau sebut harga termasuk menyediakan surat penerima tawaran kontraktor dan dokumen perjanjian untuk proses tandatangan;
5. Menyelaras, menyediakan dan meneliti laporan bagi projek-projek Jabatan termasuk projek RKN bagi proses pembayaran termasuk sijil penilaian kemajuan pembayaran;
6. Mengawas, memantau kemajuan fizikal dan pelaksanaan pembayaran bagi projek-projek Jabatan dan Projek RKN; dan
7. Menyelaras dan menggubal piawaian, garis panduan, prosedur dan peraturan berhubung dengan proses perkhidmatan kontrak sama ada tawaran atau sebut harga.